

Cerita tokek bernilai jutaan ringgit palsu

Oleh **WILLIE JUDE JUNAIDI**

wjudeub@gmail.com

KOTA KINABALU: Sejak akhir-akhir ini, riuh satu negeri berikutan kehadiran cerita mengenai sejenis cicak besar yang lebih dikenali sebagai tokek kononnya bernilai jutaan ringgit kerana kegunaannya yang mampu menjadi penawar kepada penyakit Aids.

Namuntanggapan itu bakal meleset kepada mereka yang sudah mula menggerakkan kerja mencari tokek apabila salah seorang pakar yang berpangkat Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menafikan sekeras-kerasnya akan hal itu.

Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad (gambar) berkata, tokek tidak boleh untuk mengubati HIV-Aids, malah tidak ada satu pun penerbitan saintifik tentang hal tersebut.

“Para saintis daripada negara Jepun juga tidak pernah menyelidik hal berkaitan dengan cicak tokek yang boleh mengubati HIV-Aids.

“Memang benar cicak rumpun geko biasa digunakan di dalam perubatan tradisional

orang Cina, tetapi seperti yang demikian juga, haiwan lain turut digunakan atas perkara serupa,” katanya di sini kelmarin.

Tambah beliau, adalah karut jika tokek dikatakan dapat menyembuhkan penyakit HIV-Aids dan dakwaan kononnya saintis daripada Jepun telah membuktikan perkara itu.

Menurutnya lagi, saiz cicak tokek tersebut memang lebih besar daripada kebanyakan cicak lain dan ia merupakan cicak rumpun geko yang terbesar di dunia di mana panjangnya boleh mencapai 35 cm dengan berat maksima 300 gram.

“Tetapi kebanyakan cicak tokek yang kita temui cuma bersaiz kecil dan sederhana, jantan lebih besar daripada betina.

“Cicak 35cm seberat 300 gram sangatlah jarang ditemui dan ia merupakan panjang dan berat maksima yang pernah direkodkan di dalam dunia, tentulah tiada tokek seberat 60 kilogram,” katanya.

Dakwaan yang kita dengar sebelum ini mengatakan cicak tokek tersebut boleh mencecah nilai jutaan ringgit jika ianya seberat 300 gram.

Dalam pada itu juga, Dr. Abdul Hamid memberitahu, tokek bukan cicak baru dalam

dunia sains kerana ia adalah spesies rumpun geko yang pertama dihuraikan oleh Linnaeus pada tahun 1758.

“Telah banyak tokek yang ditangkap, diukur, ditimbang dan kemudian dilepaskan semula atau dijadikan spesimen koleksi dalam banyak muzium di seluruh dunia,” katanya lagi.

Dr. Abdul Hamid berkata, cicak tokek juga tidak berbisa kerana kelenjar bisa tidak wujud pada spesies tersebut tetapi mereka yang masih mahu menangkapnya perlu berhati-hati kerana jika dipegang ia pasti menggigit.

“Apabila diamati cerita ini, ada dua perkara yang menjadikan kisah palsu ini kekal di dalam masyarakat. Pada mulanya, kisah hebat haiwan ini muncul tiba-tiba kononnya ramai pembeli berebut mencari tokek dan sanggup menawarkan sejuta ringgit sekilo,” katanya.

